

07 APR 1999

Azhar-pelaut

AZHAR BERDOA UNTUK KESIHATAN DR MAHATHIR

LANGKAWI, 7 April (Bernama) -- Pelaut Malaysia Azhar Mansor hari ini berdoa agar Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan pulih seperti sediakala selepas menjalani rawatan di Institut Jantung Negara (IJN).

"Saya mendapat berita YAB Perdana Menteri menjalani rawatan di hospital. Saya berdoa agar kesihatan beliau pulih," kata Azhar melalui e-melnya ke pangkalan daratnya di Awana Porto Malai di sini.

Dr Mahathir telah dinasihatkan doktor untuk berihat dan manjalani rawatan, beliau dimasukkan ke IJN pada 2 April lepas.

Melalui e-melnya Azhar menyatakan hujan kerap berlaku dan angin bertiup sehingga 45 knot, dan pukulan gelombang terhadap kapal layarnya bermula lagi," katanya.

Pada 30 Mac lepas, kapal layar Azhar yang bernilai RM2 juta "Jalur Gemilang" hampir karam kerana tiupan angin dan beliau kehilangan alat penentu angin.

Semalam, Azhar melaporkan beliau menggunakan radar semasa menuju ke Tanjung Horn berikutan jarak pandangan yang tidak begitu baik kerana kabus.

Sementara itu, Noel Belman, pegawai komunikasi dan penasihat projek Cabaran Jalur Gemilang di Awana Porto Malai berkata beliau menghantar e-mail kepada World Sailing Speed Record Council di Britain pada setiap lencangan yang dibuat Azhar.

"Kami juga mencatatkan kesemua pergerakannya dalam buku log dan pegawai dari majlis itu akan tiba seminggu sebelum Azhar kembali ke Langkawi, untuk memastikan beliau akan mendapat pengiktirafan yang sepatutnya," katanya.

Belman berkata berdasarkan kadar pelayaran sekarang Azhar diramal akan mengambil 132 hari untuk menamatkan percubaannya dan menjadi rakyat Malaysia yang pertama belayar tanpa henti melalui laluan barat-timur.

Pada hari ke-64 di laut, Azhar telah mencatatkan 9,872 batu nautika dan kira-kira 13,690 batu nautika lagi perlu dilayari.

Beliau melaporkan kedudukannya pada Latitud 52 darjah 10' 80" selatan, Longitud 109 darjah 02' 21" Barat, telah belayar semalam 1,535 jam dan 15 minit sejak memulakan pelayaran pada 2 Feb dari Langkawi.

Percubaan Azhar adalah yang pertama, untuk mengelilingi dunia dengan kapal layar bermula dari Lautan Hindi dengan Langkawi sebagai tempat berlepas.

Untuk mencapai matlamat itu Azhar perlu melalui Tanjung Leeuwin, Australia, Tanjung Selatan, New Zealand, Tanjung Horn, Amerika Selatan, Pulau Fernando de Noronha di lautan Atlantik, Tanjung Harapan dan kembali ke Langkawi.

-- BERNAMA

NHD RI